



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## MAHDZIR GESA INSTITUSI TVET KPLB PERHEBATKAN LAGI KERJASAMA DENGAN PIHAK INDUSTRI

PUTRAJAYA, 21 Jan - Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional, TVET di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB, perlu meningkatkan lagi kerjasama dengan pihak industri bagi membolehkan pelajarinya mendapat pendidikan serta latihan yang relevan dengan keperluan semasa.

Menurut Menteri, Datuk Seri Mahdzir Khalid, kepakaran yang dimiliki pemain industri amat membantu dalam membimbing pelajar TVET mencapai tahap kemahiran yang diperlukan.

"Kita tidak mahu sesebuah institusi pengajian TVET KPLB hanya ada ramai pelajar tetapi bila tamat pengajian, mereka tidak dapat kerja.

Apabila ada kerjasama dengan pemain industri, sudah tentu tenaga pakar akan bimbing pelajar untuk tingkatan kemahiran sejajar dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi."

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) (Diperbaharui) antara Institut Kemahiran Tinggi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda-Tech) dan Perodua Sales Sdn Bhd, di sini hari ini.

Perda-Tech dan Perodua Sales telah menjalinkan kerjasama dalam bidang latihan automotif sejak tahun 2016 bagi membolehkan pelajar dan tenaga pengajar mendapat bimbingan dalam bidang automotif daripada tenaga profesional.

Jelas Mahdzir, kerjasama antara Perda-Tech dan Perodua Sales adalah satu sebagai langkah yang tepat.

Kerjasama seumpama itu katanya, perlu diteruskan bagi memberi peluang kepada pelajar lepasan institusi terbabit untuk berkhidmat di syarikat perusahaan automobil kedua negara.

**.-TAMAT-**

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATUK SERI MAHDZIR KHALID**

**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**21 JANUARI 2022**

**Unit Komunikasi Korporat.** | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB\\_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)